



## Mengawal Inflasi

### Apakah yang boleh pengguna lakukan?

**K**enaikan harga minyak telah menyebabkan beberapa barang keperluan dan perkhidmatan turut mengalami kenaikan harga. Jika keadaan ini dibiarkan, ia akan menyebabkan Indeks Harga Pengguna akan naik. Selain itu, apa yang turut membimbangkan ialah kadar inflasi juga akan meningkat.

Justeru itu, pengguna perlu mengambil tindakan terancang bagi mengurangkan beban kenaikan kos hidup. Berikut beberapa tindakan yang boleh dilakukan pengguna bagi menghadapi keadaan ini.

- Perubahan cara/gaya hidup - bawa bekalan makanan yang telah dimasak dari rumah sendiri,

ke pejabat atau sekolah, setiap hari.

- Bersikap waspada terhadap perbelanjaan - elakkan daripada berbelanja besar semasa musim perayaan.
- Rancang dengan teliti perbelanjaan - hanya membeli barangan yang perlu sahaja dan apabila perlu sahaja. Elakkan daripada membelanjakan ke atas barangan yang mahal dan memperagakan kemewahan; seperti baju mahal, telefon bimbit terbaru dan makanan mahal.
- Elakkan daripada memberi barangan secara berhutang; seperti menggunakan kad kredit.
- Amalkan sikap berjimat cermat dan perbelanjaan bukan untuk tujuan menonjolkan kemewahan.

Pengguna hendaklah sentiasa berwaspada terhadap kesan peningkatan harga dan golongan peniaga yang tidak bertimbang rasa. Lakukan amalan berikut:

- Pastikan anda selalu mendapat maklumat terkini tentang harga tertinggi bagi barangan harga terkawal.

Ke muka 6 ►►



**Pengguna Bijak**

- ✓ Beli barangan berkualiti
- ✓ Buat perbandingan harga
- ✓ Pilih perkhidmatan terbaik
- ✓ Buat pilihan yang tepat

**H**arga minyak mentah di pasaran antarabangsa semakin tidak stabil dan kian menggusarkan. Pada 30 Ogos 2005 lalu, harganya mencecah sehingga AS\$71 setong. Harga ini mungkin akan naik lagi tanpa sebarang jangkaan tentang paras harga tertinggi yang akan terjangkau olehnya.

Kenaikan harga ini telah menyebabkan tanggungan subsidi dan kehilangan hasil cukai yang perlu dipikul oleh kerajaan meningkat. Dijangkakan tahun ini sahaja sebanyak RM16 bilion bebanan subsidi dan kehilangan hasil cukai tersebut. Semestinya jumlah ini akan menyerap peruntukan lain yang telah diperuntukkan oleh kerajaan melalui bajet 2005 yang dibentangkan pada tahun lalu.

Bagi mengurangkan tekanan tanggungan tersebut, kerajaan telah menaikkan harga bahan petroleum sebanyak 10 sen bagi petrol, 20 sen diesel dan 5 sen untuk gas petroleum cecair pada 30 Julai 2005 yang lalu. Berikutan itu, masyarakat pengguna berhadapan pula dengan kenaikan harga barang keperluan akibat alasan peniaga yang terpaksa menanggung kos pengangkutan yang semakin tinggi. Kenaikan harga barang keperluan dan pelbagai kenaikan yang lain, telah menimbulkan kebimbangan bahawa kadar inflasi akan meningkat.

Lantaran itu, pada 7 September 2005, kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah bagi membantu mengurangkan beban kos hidup rakyat. Biarpun langkah ini sebagai strategi jangka pendek, namun sekurang-kurangnya ia dapat meringankan bebanan tersebut.

Apa yang lebih penting sekali ialah rakyat sendiri, khususnya golongan pengguna, perlu mengorak langkah merancang untuk mengurangkan kos hidup yang perlu mereka tanggung. Memang pelbagai cadangan boleh diberikan bagi mengurangkan kos hidup ini, tetapi jika pengguna sendiri tidak memberikan komitmen yang jitu, ia tidak akan berhasil.

Kebergantungan yang tinggi terhadap hasil petroleum sebagai bahan bakar mungkin perlu dikaji semula. Pelbagai usaha perlu dilakukan bagi mencari sumber alternatif bagi menggantikan penggunaan petroleum seperti penggunaan gas asli kenderaan (NGV), biofuel dan sebagainya. Memang produk ini telah ada di pasaran, namun ia masih kurang digunakan kerana kekurangan prasarana yang mencukupi. Di Lembah Kelang sahaja, terdapat lebih kurang 27 stesen minyak sahaja yang membekalkan NGV untuk keperluan kenderaan. Perancangan yang komprehensif perlu dilaksanakan bagi meningkatkan jumlah ini sehingga meliputi seluruh negara. Demikian juga pengeluaran biofuel perlu ditambah sehingga mencukupi untuk keperluan negara.

Selain itu, untuk menggalakkan pengguna menggunakan produk ini, pelbagai insentif hendaklah diberikan, khususnya untuk memasang peralatan untuk menggunakan NGV dan biofuel ini. Kos pemasangannya sewajarnya pada kadar yang mampu dibayar bagi semua golongan masyarakat. Dengan pelbagai langkah yang bersepadu dan insentif yang diwujudkan, usaha untuk menggalakkan penggunaan sumber bahan api alternatif ini mungkin akan menjadi realiti.

### SIDANG REDAKSI

**Penasihat:**

**Y. Bhg. Dato' Seri Talaat bin Hj. Husain**

*Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan  
Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*

**Ketua Sidang Pengarang  
Isamil bin Jantan**

**Timbalan Ketua Sidang Pengarang  
Mohd Yusof bin Abdul Rahman**

**Sidang Pengarang  
Azendi bin Mohd Zawawi  
Nazleen bte Mohd Emran  
Noor Jamal Ali  
Indrani Thuraisingham  
Siti Rahayu bte Zakaria**

**Dicetak oleh Syarikat Asas Jaya**

*Buletin Pengguna merupakan penerbitan usahasama di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Sumbangan artikel amat dialu-alukan. Sila hantarkan sumbangan kepada:*

**Editor,  
Buletin Pengguna,  
No 1D-1, Bangunan SKPPK,  
Jalan SS9A/17, 47300 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.**

Emel: [buletinpengguna@hotmail.com](mailto:buletinpengguna@hotmail.com)  
Laman Web KPDN & HEP : [www.kpdnhep.gov.my](http://www.kpdnhep.gov.my)  
Laman Web FOMCA : [www.fomca.org.my](http://www.fomca.org.my)

*Artikel yang disiarkan dalam Buletin Pengguna ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.*

# Tanggungjawab Pemaju Perumahan



**R**umah merupakan pelaburan terbesar bagi seseorang. Untuk memiliki sebuah rumah, seseorang membelanjakan sejumlah wang yang banyak. Sekiranya rumah tersebut dibiayai melalui pinjaman, tempoh bayaran balik adakalanya menjangkau sehingga dua puluh hingga tiga puluh tahun.

Oleh itu, apabila membeli sesebuah rumah, seseorang itu perlu membuat pemerhatian yang teliti. Sebenarnya apabila sesuatu perjanjian sewa beli itu ditandatangani, pemaju juga perlu melaksanakan tanggungjawab tertentu. Ini berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan dalam Akta dan Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) dan Surat Perjanjian Jual Beli (SPJB).

Selepas perjanjian jual beli ditandatangani, kedua-dua pihak iaitu pembeli dan penjual (pemaju) terikat kepada terma-terma dalam perjanjian (Kontrak) tersebut.

Pemaju adalah bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan tanah seperti berikut:

- Pemaju perlu memohon sendiri dan mendapatkan kelulusan bagi memecah sempadan tanah yang dijual kepada pembeli dengan perbelanjaannya sendiri.
- Pemaju hendaklah mengambil segala langkah mendapatkan Surat Hakmilik berasingan atau pindahmilik bagi tanah tersebut dalam tempoh 21 hari setelah pembeli membayar segala pembayaran. Ia perlu disempurnakan melalui dokumen pindahmilik yang sah serta mendaftarkan harta tersebut di atas nama pembeli, waris atau penerima serah hak yang sah, mengikut yang berkenaan.
- Pemaju perlu memastikan tanah yang dijual bebas daripada sebarang syarat seperti pertanian atau perindustrian sama ada ternyata atau tersirat atau apa-apa sekatan atau bebanan pada tarikh SPJB ditandatangani; dan
- Pemaju juga tidak boleh mengenakan sebarang bebanan ke atas tanah tersebut sebelum mendapat kebenaran daripada pembeli dan

perlu mengakujaji harta tersebut bebas daripada apa-apa bebanan sebelum penyerahan pemilikan kosong kepada pembeli;

Selain itu, pemaju juga bertanggungjawab menyediakan kemudahan dan perkhidmatan berikut:

- Membiayai kos membina infrastruktur seperti jalan, jalan masuk rumah, parit, pembedungan, saluran air atau loji pembedungan bagi sesuatu kawasan perumahan tersebut yang disyaratkan oleh pihak berkuasa berkenaan.
- Membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan penyelenggaraan termasuk pungutan sampah, pembersihan parit awam dan pemetongan rumput di rizab jalan mulai tarikh penyerahan pemilikan kosong sehingga ai diambil alih oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan.
- Menyediakan/memasang saluran air, elektrik, pembedungan, paip gas (jika ada) serta pengkabelan telefon dalaman (jika ada) dengan kos perbelanjaan sendiri. Pemaju juga bertanggungjawab membayar segala denda atau kerugian yang ditanggung disebabkan oleh pelanggaran peruntukan mana-mana



Ke muka 4 »»

### ◀ Dari muka 3

undang-undang bertulis.

- Pemaju hendaklah memohon Perakuan Layak Menduduki (CFO) dengan kos sendiri daripada Pihak Berkuasa yang berkenaan.

Dalam hal ini, sekiranya pemaju gagal untuk mematuhi terma-terma sebagaimana yang ditetapkan dalam Surat Perjanjian Jual dan Beli, maka pemaju tersebut hendaklah:

- Membayar ganti rugi kepada pembeli dari hari ke hari pada kadar 10% setahun daripada harga beli jika pemaju gagal menyerahkan pemilikan kosong bangunan dengan bekalan air dan elektrik sedia untuk penyambungan, setelah tamat tempoh yang dipersetujui dalam Surat Perjanjian Jual dan Beli.

- Dalam tempoh liabiliti kecacatan (*defect liability period*) iaitu 18 bulan dari tarikh penyerahan pemilikan kosong, jika berlaku kecacatan pemaju bertanggungjawab membaikinya.

Namun begitu, Surat Perjanjian Jual dan Beli juga memberikan hak kepada pemaju untuk:

- Mengenakan faedah ke atas pembayaran lewat pada kadar 10% setahun jika pembeli gagal membayar ansuran dalam tempoh 21 hari selepas menerima notis pembayaran daripada pemaju;
- Menamatkan perjanjian (kontrak) sekiranya pembeli tidak menjelaskan bayaran ansuran dalam tempoh 28 hari.

*Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

## STANDARD

# Kaedah Mewujudkan Standard

**S**esuatu standard baru atau mengkaji semula standard yang sedia ada boleh diminta oleh sebarang organisasi, persatuan industri, persatuan pengguna, agensi kerajaan dan individu. Permohonan ini akan dimajukan kepada Jabatan Standard Malaysia (DSM), sebagai badan kawal selia standard di negara ini.

Permohonan standard baru itu akan diusulkan kepada Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia (MSDAM) untuk mendapat kelulusan. Seterusnya SIRIM diminta untuk mewujudkan standard tersebut. Untuk tujuan ini, SIRIM akan menubuhkan Kumpulan Kerja (WG) atau Jawatankuasa Teknikal (TC). Biasanya sesuatu WG atau TC dianggotai oleh wakil daripada industri, ahli akademik, badan profesional dan persatuan pengguna.

WG atau TC ini terlebih dahulu mencapai persetujuan perihal kandungan standard baru yang ingin diwujudkan itu. Sekiranya telah wujud standard tersebut di peringkat ISO atau badan standard dunia lain, ia akan dirujuk terlebih dahulu. Perbincangan akan dibuat sama ada akan terus menerima pakai keseluruhannya atau mengubahsuai standard antarabangsa yang sedia ada. Sekiranya tidak wujud standard seumpama itu, maka standard tersebut akan dideraf keseluruhannya. Untuk tujuan ini, satu badan yang dikenali sebagai Organisasi Penulisan Standard (*Standard Writing Organisation - SWO*) akan

membantu dalam menderaf standard ini. SWO terdiri daripada badan perniagaan, profesional atau organisasi tertentu yang terlibat secara langsung dalam industri yang berkaitan dengan sesuatu standard yang ingin diwujudkan itu.

Satu deraf akan disediakan dan diedarkan kepada ahli WG atau TC. WG atau TC akan memperhalusi deraf tersebut sehingga dipersetujui keseluruhan kandungannya. Salinan pertama deraf standard ini dipanggil DMS atau *draft Malaysian Standard* (deraf Standard Malaysia). Deraf tersebut akan diedarkan dan dirujuk kepada pihak-pihak yang berkepentingan untuk memberikan ulasan dan pandangan. Pandangan dan ulasan ini akan dikumpulkan dan sekiranya bersesuaian akan dikemaskinikan dalam deraf tersebut.

Deraf akhir standard ini dikenali sebagai '*Final Draft Malaysian Standard* atau deraf akhir Standard Malaysia (FDMS). Ia akan diserahkan kepada Majlis Standard dan Akreditasi untuk mendapatkan pengesahan dan seterusnya diberikan kepada Menteri (Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi) bagi mendapatkan kelulusan untuk dijadikan sebagai standard Malaysia. Setelah mendapatkan kelulusan, FDMS akan diterbitkan sebagai MS atau Standard Malaysia.

*Sumbangan: Persatuan Pengguna-Pengguna Standard Malaysia*

**A**nda perlu makan pelbagai makanan pada kadar yang betul setiap hari bagi memastikan yang anda telah mendapat nutrien yang diperlukan oleh badan anda.

Bagi mereka yang tidak mendapat makanan yang secukupnya, dia mungkin tidak mendapat segala nutrien dan akan mengalami susut badan, merasa letih dan sering tidak sihat. Tetapi memakan dengan banyak terutama makanan yang memberi tenaga akan menyebabkan penambahan berat badan dan ini akan menjadikan seseorang itu tidak aktif.

Sesetengah orang begitu mudah menambah berat badannya berbanding dengan orang lain. Oleh itu makanlah dengan mengikut umur, berat badan dan aktiviti yang dilakukan .

**Imbangkan kalori**

Makanan (diet) yang seimbang adalah mustahak untuk kesihatan yang baik. Disyorkan supaya pengambilan nutrien dilakukan mengikut umur, jantina dan keperluan fisiologi tertentu seperti semasa mengandung dan menyusu anak. Kalori juga perlu di selaraskan mengikut aktiviti fizikal.

# Makan Mengikut Keperluan

**Perkiraan Makanan (DIET) Harian Yang Disyorkan Untuk Kalori**

	Umur (Tahun)	Berat (Kg)	Tenaga (Kal)
Bayi	<1		112/Kg
Kanak- kanak	1- 3		1,360
	4- 6		1,830
	7- 9		2,190
Lelaki	10- 19		2,600
			2,450
Perempuan	10- 19		2,350
			2,100
Lelaki Dewasa (Aktif Secara Sederhana)	20- 39	55	2,530
	40- 49	55	2,400
	50- 59	55	2,280
	>60	55	2,020
Perempuan Dewasa (Aktif Secara Sederhana)	20- 39	50	2,000
	40- 49	50	1,900
	50- 59	50	1,800
	>60	50	1,600
Mengandung	1 trimester		+150
	2, 3 trimester		+350
Menyusu	Untuk 6 bulan		+550

# Akar Tarum

**T**erdapat dua jenis tarum iaitu tarum dan akar tarum. Kedua-duanya merupakan dua jenis tumbuhan yang berbeza. Akar tarum merupakan sejenis tumbuhan herba memanjat yang mempunyai batang berkayu. Ia bukan tumbuhan semusim dan boleh hidup lama. Tarum dan akar tarum digunakan untuk mengeluarkan warna biru tua pada kain. Akar tarum biasanya dijumpai tumbuh liar di hutan dan belukar kecil. Ia hidup di kawasan yang redup dan lembab. Akar tarum ini membiak melalui keratan batang dan biji benih.

**Kegunaan**

- Menghasilkan warna biru tua untuk digunakan pada pakaian.
- Merawat penyakit demam dengan merebus akar dan meminum airnya.
- Campuran kayu, akar dan daum tarum ini boleh digunakan untuk merawat reumatoid dan edema.
- Tidak boleh digunakan kepada ibu mengandung kerana boleh menyebabkan keguguran.

Sumber: *Penyembuhan Semula Jadi dengan Herba, terbitan PTS Illennia*



No. 1C-1, Bangunan SKPPK,  
Jalan SS9A/17  
47300 Petaling Jaya  
Selangor  
Tel: 03-7877 9000  
Faks: 03-7874 8097  
Emel: nccc@eraconsumer.org  
www.eraconsumer.org

**NCCC  
ADIL • PROFESIONAL • BERKESAN**

## **Dakwaan Palsu Program Perkongsian Masa**

**S**eorang pengadu telah mengunjungi NCCC bagi mendapatkan khidmat nasihat tentang masalah yang dihadapi oleh beliau tentang program perkongsian masa yang disertainya. Beliau tidak berpuas hati terhadap kandungan perjanjian program tersebut.

Menurut beliau, pada suatu hari beliau telah didekati oleh seorang jurujual program perkongsian masa di sebuah pusat membeli belah. Berbagai-bagai janji manis telah diberikan kepada beliau untuk menariknya menyertai program berkenaan. Program perkongsian masa itu menjanjikan pakej percutian 5 bintang di hotel-hotel mewah di seluruh dunia. Pengadu tertarik dengan program tersebut dan telah menandatangani perjanjian perkongsian masa dengan serta-merta. Pengadu telah membuat bayaran sebanyak RM23,000.

Namun begitu, apabila pengadu ingin pergi bercuti, didapati bahawa segala janji yang dibuat adalah tidak benar. Tempat penginapan yang ditawarkan bukan bertaraf lima bintang dan kebanyakan hotel yang dinyatakan pula sebenarnya tidak wujud.

### **TINDAKAN NCCC**

Setelah menganalisa aduan tersebut, NCCC telah menulis surat kepada syarikat yang terlibat untuk mendapatkan penjelasan. Oleh kerana penjelasan yang diberikan oleh syarikat tersebut tidak memuaskan hati, pengadu telah dinasihatkan agar memfailkan tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia bagi membatalkan perjanjian itu dan seterusnya meminta syarikat mengembalikan wang yang telah dibayar. NCCC juga telah memberikan panduan tentang peruntukan Akta Pelindungan Pengguna 1999, yang jelas menyatakan tentang representasi palsu merupakan satu kesalahan menurut akta tersebut. Pendengaran yang dibuat oleh Tribunal telah membatalkan perjanjian berkenaan dan telah mengarahkan syarikat yang terlibat membayar balik wang pengadu.

### **NASIHAT NCCC**

NCCC telah menerima banyak aduan seumpama ini yang melibatkan hampir sebahagian besar syarikat yang menganjurkan perkongsian masa. Banyak representasi palsu dilakukan oleh juru jual syarikat ini bagi mendapatkan pelanggan dan seterusnya memperolehi komisyen yang lumayan. Pengguna dinasihatkan agar tidak terperangkap dengan segala janji manis juru jual. Jangan sesekali menandatangani perjanjian secara serta merta. Bawa perjanjian itu balik dan baca dengan teliti segala kandungannya. Sekiranya anda tidak berpuas hati, dapatkan penjelasan terperinci daripada syarikat. Berbincang dengan ahli keluarga terlebih dahulu. Sekiranya anda telah menandatangani perjanjian tersebut, anda masih mempunyai masa 10 hari tempoh bertenang (*cooling off period*) untuk membatalkan perjanjian berkenaan. Jangan membuat sebarang bayaran secara serta merta.

#### **«Dari muka 1**

- Beli awal dan dalam bentuk pukal, jika boleh, amalkan sikap berjimat.
- Wujudkan tekad untuk membeli hanya barangan yang perlu sahaja. Elakkan daripada membeli barangan mengikut perasaan dan pengaruh juru jual.
- Bandingkan harga sebelum membeli.
- Agihkan dengan cermat di antara kemahuan dan keperluan - Jangan terpengaruh dengan promosi dan tawaran.
- Senaraikan barangan yang perlu dibeli - dan patuhi senarai tersebut dengan tekun.

#### **Bahagian perbelanjaan**

- Para pengguna harus memberikan keutamaan untuk memenuhi keperluan asas sebelum membelanjakan duit ke atas barangan lain seperti aksesori.
- Pastikan anda merancang kewangan dengan teliti bagi pengurusan wang aliran tunai berdasarkan peruntukan di bawah:
  - i) Keperluan asas - 50%
  - ii) Keperluan Hiburan- 20%
  - iii) Keperluan pertingkatkan diri - 20%
  - iv) Keperluan status dan imej - 10%

# Panduan Membeli Kereta Terpakai

**M**embeli kereta memang meremehkan terutamanya bagi pengguna yang tidak mahir tentang kereta. Seringkali apabila membeli kereta, terutama kereta terpakai, pengguna sering mendapati kereta yang dibeli itu sering mengalami masalah. Ini menimbulkan kesulitan kepada pengguna tersebut. Oleh itu, di bawah ini diberikan panduan bagi membantu pengguna membeli kereta terpakai.

## Pemeriksaan luaran

- Sila periksa pemegang pintu
- Pastikan pintu dan bonet boleh dibuka dan ditutup dengan senang
- Pastikan 'bumper' belakang tidak calar dan karat
- Pastikan sistem ekzos tidak berkarat
- Pastikan rim tidak bengkok dan berkarat
- Pastikan semua lampu berfungsi dengan baik

## Pemeriksaan enjin

- Pastikan keadaan enjin mestilah bersih
- Pastikan enjin tidak diubahsuai
- Pastikan keadaan enjin dan pastikan tiada kebocoran. Bagi menunjukkan ada kebocoran pada enjin, anda boleh meletakkan sekeping kotak putih di bawah enjin selepas menguji pandu kenderaan tersebut.
- Tiada kebocoran pada radiator dan sistem penyejuk
- Pastikan semua 'belt' berada dalam keadaan baik

## Pemeriksaan dalaman

- Pastikan pintu dan bonet boleh dibuka dan ditutup dengan mudah.
- Pastikan semua cermin berada dalam keadaan baik.
- Pastikan karpas kereta berada dalam keadaan baik.
- Pastikan lantai tidak berkarat.
- Pastikan 'dashboard' tidak retak.
- Pusingkan setering ke kiri dan ke kanan.
- Tiada masalah dengan pedal brek dan clutch.
- Pastikan penghawa dingin berfungsi dengan baik.
- Pastikan tali pinggang boleh dipakai.
- Pastikan 'jeck' dan tayar simpanan berada dalam keadaan baik.



## Pandu dalam masa 30 minit

- Cuba hidupkan 'switch' tetapi jangan hidupkan enjin
  - ✓ Pastikan meter suhu bergerak
  - ✓ Pastikan lampu minyak enjin menyala
  - ✓ Pastikan lampu bateri menyala
- Cuba hidupkan enjin
  - ✓ Pastikan semua meter berfungsi dengan baik
  - ✓ Pastikan tiada masalah dengan sistem gear-box
  - ✓ Cuba matikan enjin dan hidupkan semula
  - ✓ Pastikan tiada kebocoran minyak enjin berlaku di bawah
  - ✓ Semasa memandu kenderaan tersebut, pastikan tiada bunyi dan gegaran
  - ✓ Tiada masalah semasa penukaran gear
  - ✓ Cuba pusingkan stering 360 darjah. Adakah ia mengeluarkan sebarang bunyi?
  - ✓ Cuba anda pandu kenderaan tersebut dan lalui kawasan yang ada bonggol kerana ianya akan menguji sistem suspension
  - ✓ Cuba biarkan enjin kenderaan itu hidup dalam beberapa minit dan pastikan suhu kepanasannya berada dalam keadaan stabil

## Pemeriksaan terakhir

- Perkara paling penting ialah periksa nombor casis dan nombor enjin. Pastikan nombor tersebut sama dengan dokumen pendaftaran kereta

*Sumber: Autoworld, December 03, 2003*

# Perokok Boleh Saman Syarikat Rokok



**P**erokok di negara ini yang menghidap penyakit akibat daripada tabiat merokok boleh menyaman syarikat rokok yang didakwa menyebabkan penyakit tersebut. Langkah ini boleh diambil mulai bulan Oktober 2005. Ini berikutan daripada keputusan kerajaan untuk menggunakan peraturan yang dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, selepas raktifikasi kerajaan terhadap Konvensyen Rangka Kerja Antarabangsa Mengenai Kawalan Tembakau (FCTC).

Berikutan dengan keputusan itu juga, beberapa peraturan baru dikenakan ke atas syarikat pengeluaran rokok. Di antaranya:

- Senaraikan semua ramuan produk, termasuk kandungan toksik dan bahan aditif.
- Memastikan sebahagian daripada paket rokok meletakkan amaran kesihatan yang mengandungi ilustrasi grafik tentang bahaya merokok, seperti penyakit kanser paru-paru, pembulur darah, strok otak dan sebagainya.
- Menghentikan tindakan melabelkan istilah yang mengelirukan seperti kandungan rendah tar, ringan, lembut dan sebagainya.
- Hadkan penggunaan insentif secara langsung dan tidak langsung yang boleh menimbulkan dorongan untuk membeli produk tembakau.
- Tidak dibenarkan menggunakan jenama rokok dalam sebarang program penajaan dan promosi.

Di samping itu kerajaan juga akan mengenakan peraturan yang lebih ketat bagi mengawal produk tembakau ini. Langkah ini dibuat berdasarkan hasil kajian yang menunjukkan semakin ramai remaja yang terjebak dengan tabiat merokok walaupun kerajaan telah mempelbagai kempen bagi menghalang tabiat ini. Kajian ini mendapati penyakit kanser paru-paru telah dihadapi oleh hampir 25 peratus remaja yang berumur di antara 13 hingga 17 akibat daripada tabiat merokok. Di samping itu, golongan ketiga yang ramai menghisap rokok di seluruh negara adalah wanita muda dan ada juga kanak-kanak yang berumur 6 tahun yang menjadi penghisap rokok.

FCTC merupakan perjanjian antarabangsa yang telah digunakan oleh WHO dan agensi standard antarabangsa bagi kawalan tembakau. Walaupun Malaysia merupakan di kalangan 191 negara yang menerima pakai FCTC ini pada 21 Mei 2004, namun tidak mengraktifikasikannya. FCTC telah dijadikan sebagai undang-undang antarabangsa pada bulan Februari 2005 apabila 55 buah negara telah mengraktifikasikannya. Bagi tujuan ini, kerajaan perlu menggubal beberapa undang-undang yang mengandungi keperluan-keperluan FCTC, namun beberapa akta seperti Akta Makanan 1983 dan Peraturan Kawalan Produk Tembakau 2004 telah memasukkan beberapa keperluan FCTC ini.

## INFO PENGGUNA

### Fakta Tentang Subsidi Minyak

- Pada tahun 2003, kerajaan telah menanggung subsidi dan kehilangan hasil cukai sebanyak RM6.6 bilion.
- Pada tahun 2004, sebanyak RM11.9 bilion.
- Bagi tahun 2005, jumlah subsidi dan kehilangan hasil cukai dianggarkan sebanyak RM16 bilion.

*Jumlah subsidi petroleum dan kehilangan hasil 2001-2005 (RM bilion)*

	2001	2002	2003	2004	2005	
					Sebelum Kenaikan harga 31 Julai	Selepas Kenaikan harga 31 Julai
Subsidi	2.40	0.92	1.82	4.79	7.59	6.63
Kehilangan Hasil	5.08	3.31	4.76	7.15	7.85	7.85
Jumlah	7.48	4.23	6.58	11.94	15.44	14.48

*Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Jabatan Perdana Menteri*



## Tabiat Membeli Belah "MESRA ALAM"

**M**alaysia boleh dikatakan sebagai satu syurga bagi mereka yang suka membeli-belah. Walaupun terdapat juga segelintir kaum Adam yang suka menghabiskan masa berjalan-jalan di gedung membeli-belah, namun lazimnya kaum Hawalah yang dikaitkan dengan membeli-belah.

Kerajaan telah mengambil inisiatif mengadakan pesta potongan harga yang dipanggil "*Malaysian Mega Sale*" untuk menggalakkan pengguna membelanjakan wang mereka untuk menyegarkan ekonomi Malaysia. Ia merupakan satu langkah yang amat berjaya, sekiranya kisah-kisah yang menggelikan hati mengenai kaum wanita yang bergelut untuk memiliki sepasang kasut atau tas tangan tertentu adalah benar.

Tidak dapat dinafikan ramai di antara kaum wanita suka membeli-belah, dan juga tidak dinafikan bahawa kesihatan alam sekitar biasanya tidak menjadi fakta bagi menentukan produk apa yang akan dibeli. Biasanya yang menentukannya adalah harga, jenama, keselesaan dan sebagainya.

Namun demikian, corak pembelian juga sedikit-sebanyak memberikan kesan negatif terhadap alam sekitar. Dalam keseronokan membeli-belah, sejumlah tinggi bahan-bahan pembalut dan pembungkus juga dibawa pulang, Pembalut dan pembungkus ini lazimnya dibuang bersama dengan sampah. Ini menimbulkan masalah kerana kebanyakan pembalut dan bahan pembungkus dibuat daripada plastik.

Walaupun plastik merupakan satu bahan yang amat berguna disebabkan oleh cirinya yang tahan lasak dan tidak mudah bertindakbalas dengan alam sekitar, namun ciri-ciri tersebut menjadikannya satu unsur pencemar alam sekitar yang amat ketara pada masa ini. Buangan berbentuk plastik akan kekal di dalam alam sekitar untuk satu tempoh yang lama, boleh melebihi 100 tahun, dan ini akan menyebabkan tanah yang tercemar oleh plastik sukar untuk digunakan bagi tujuan tanaman, rekreasi dan lain-lain.

Plastik juga dibuat daripada petroleum. Lebih



banyak bahan plastik yang digunakan, lebih banyak petroleum perlu diekstrak dari bumi, dan bekalan akan habis dengan lebih cepat. Ini akan menyebabkan harga minyak naik mendadak, sepertimana yang berlaku sekarang.

Namun demikian, seseorang itu mampu mengelakkan ia daripada berlaku. Yang diperlukan hanyalah penukaran cara berfikir. Terdapat beberapa langkah mudah yang boleh diambil untuk mengurangkan jumlah bahan pembalut dan pembungkus:

- Beli barang-barang dalam pek saiz ekonomi. Ini akan mengurangkan bahan pembalut berbanding membeli jumlah barangan sama dalam pek saiz kecil.
- Kurangkan penggunaan beg plastik, kerana ia merupakan bahan buangan utama apabila membeli belah.
- Utamakan produk-produk dalam bekas yang boleh diisi semula supaya tidak perlu membeli bekas-bekas tambahan.
- Kalau membeli satu atau dua barangan kecil, jangan minta beg plastik. Sebaliknya simpan dalam poket/beg sendiri atau pegang dalam tangan.
- Pilih untuk membeli-belah di gedung yang menggunakan beg plastik "biodegradable" yang mudah lupus.
- Pilih produk yang mesra alam, contohnya yang dibuat daripada bahan kitar semula.

*Sumbangan: Alam Flora*

**RAKYAT DIBERI PENERANGAN  
ISU KENAIKAN**

Kerajaan akan memberi penerangan mengenai kenaikan harga minyak supaya rakyat memahami keadaan sebenar yang dihadapi negara. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapa Mohamed (gambar), berkata usaha itu perlu kerana isu kenaikan harga minyak yang dihadapi kini dijangka dipergunakan pihak yang berkepentingan.

*Berita Harian, 1 Ogos 2005*

**PERUNDANGAN E-DAGANG ASEAN  
PERLU DISELARAS**

Pelarasan perundangan perdagangan elektronik (e-dagang) antara Asean perlu untuk meningkatkan penyertaan dan keyakinan masyarakat serta peniaga terhadap urusan perdagangan yang membabitkan transaksi perdagangan. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd Shafie Apdal, berkata selain sektor swasta, institusi kewangan dan sektor awam juga turut terbabit dengan pelarasan perundangan e-dagang.

*Berita Harian, 1 Ogos 2005*

**SUKARELAWAN PANTAU HARGA  
DISTRUKTUR SEMULA**

Sukarelawan Pemantau Harga (SPH) yang dianggotai 14,000 individu di seluruh negara, akan distruktur semula bagi meningkatkan keberkesanan mereka dalam proses penyampaian maklumat dan penyediaan laporan harga barang. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd Shafie Apdal, berkata langkah itu akan dilaksanakan segera bagi membantu kerajaan memantau harga barangan terutama berikutan kenaikan harga petrol dan diesel.

*Berita Harian, 3 Ogos 2005*

**SEEKING CLOSER MEDIA TIES IN  
CONSUMER EDUCATION**

The challenge facing the Domestic Trade and Industry Ministry is to educate consumers and increase their awareness of issues. Minister Datuk Shafie Apdal said for this reason the ministry hoped the media would work with it to form "a better educated society with critical awareness in consumer affairs."

*Sunday Star, 7 August 2005*

**SHAFIE: DIESEL SMUGGLING STILL  
GOING ON DESPITE PRICE HIKE**

Diesel smuggling to Thailand is still going on though the fuel price has been increased, Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Mohamed Shafie Apdal said yesterday. He admitted that it was difficult to completely stop diesel smuggling as many vehicles from Thailand crossed over to Malaysia daily on the guise of visiting the country, thus rendering monitoring difficult.

*Malay Mail, 8 August 2005*

**KEGIATAN ORANG TENGAH PUNCA  
HARGA MENINGKAT**

Kegiatan orang tengah yang mengambil kesempatan, dikenal pasti sebagai punca utama kenaikan harga pelbagai barang keperluan dengan alasan kononnya ia berlaku kerana peningkatan kos diesel dan petrol. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Mohd Shafie Apdal, berkata pemantauan yang dilakukan pihaknya mendapati sebahagian besar kenaikan harga barang dipengaruhi faktor orang tengah.

*Berita Harian, 12 Ogos 2005*

**495 KES KENAIKAN HARGA DIKESAN**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengesan 495 kes kenaikan harga barang di seluruh negara dengan Kuala Lumpur mencatatkan jumlah paling tinggi iaitu 160 kes. Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk S. Veerasingam berkata, angka itu diperoleh selepas pemantauan dijalankan oleh kementeriannya pada 5 hingga 12 Ogos lalu.

*Utusan Malaysia, 15 Ogos 2005*

**MANFAAT LIMA SALURAN HALANG  
KEGIATAN SOROK BARANG**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna meminta kerjasama orang ramai untuk memanfaatkan lima saluran yang disediakan bagi menghalang kegiatan menyorok barang keperluan, termasuk khidmat pesanan ringkas (SMS) percuma, 36663. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shafie Apdal, berkata selain SMS, pengguna boleh menghubungi bilik gerakan, pusat panggilan, talian bebas tol dan e-mel kepada kementerian itu.

*Berita Harian, 31 Ogos 2005*

## LANGKAH RINGKANKAN BEBAN PENGGUNA

**K**enaikan harga minyak di pasaran dunia telah menyebabkan Kerajaan mengambil langkah menaikkan harga runcit bagi bahan petroleum di negara ini. Ini bagi mengurangkan jumlah subsidi yang perlu ditanggung oleh Kerajaan.

Namun begitu, dalam usaha kerajaan meringankan beban rakyat, khususnya yang berpendapatan rendah akibat kenaikan harga minyak, kerajaan telah mengumumkan empat langkah:

- Tiada kenaikan harga petrol, diesel dan gas masak sehingga akhir tahun 2005.
- Menurunkan / memotong cukai jalan:
  - 25% bagi semua jenis kenderaan komersil
  - RM2 bagi bas sekolah
  - RM30 setahun bagi kenderaan persendirian berkapasiti kurang daripada 1000c.c.
  - 50% bagi kenderaan persendirian berkapasiti 1000 c.c. sehingga 1600 c.c.
  - 50% bagi motosikal berkapasiti 151 c.c. hingga 250 c.c.
- Kadar tol tidak akan dinaikkan bagi tahun 2005 dan 2006.
- Menambah kadar bantuan kepada orang tua dan golongan daif melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat.  
Penurunan dan potongan cukai ini berkuatkuasa mulai 12 September 2005

## GARIS PANDUAN SEMAKAN PERNIAGAAN INSURANS PERUBATAN DAN KESIHATAN

**B**ank Negara Malaysia telah mengeluarkan satu Garis Panduan mengenai Perniagaan Insurans Perubatan dan Kesihatan (MHI) yang telah disemak kepada penanggung insurans. Ini bertujuan menggalakkan layanan yang lebih saksama dan konsisten terhadap pengguna. Di antara butiran Garis Panduan ini ialah:

- tempoh menunggu yang lebih pendek sebelum seseorang pemegang polisi berhak untuk menuntut manfaat yang diberikan di bawah polisi;
- pengenalan tempoh minimum "free-look" selama 15 hari bagi pengguna menilai kesesuaian polisi baru yang telah beli;
- mengguna pakai definisi untuk terma dan syarat polisi penting yang lebih konsisten, yang akan membolehkan pengguna membuat perbandingan antara produk dan mengurangkan kesamaran mengenai perlindungan yang diberikan;
- had atas bahagian tuntutan perubatan yang sepatutnya ditanggung oleh pemegang polisi di bawah syarat pembayaran bersama bagi polisi MHI yang lazim dibeli; dan
- pendedahan yang jelas dan mudah mengenai ciri-ciri utama polisi pada masa penjualan.

*Sumber: Bank Negara Malaysia*

### «Dari muka 12

peringkat ini memerlukan sokongan dari setiap anggota keluarga bagi memastikan individu berkenaan dapat menikmati kualiti hidup yang sebaik mungkin. Penggunaan vitamin perangsang saraf otak mungkin digunakan walaupun kesan pemulihan dengan penggunaannya adalah tidak begitu menggalakkan.

### Pencegahan

Penyakit kardiovaskular merupakan pembunuh nombor satu di Amerika Syarikat. Lebih daripada 2,600 rakyat Amerika mati setiap hari dari penyakit kardiovaskular manakala lebih daripada 60 juta mengalami masalah tersebut. Ramai lagi telah mengalami serangan jantung atau angin ahmar manakala ada yang menghadapi risiko tinggi dan sedang mendapatkan rawatan serta melakukan perubahan yang perlu untuk mengurangkan risiko yang sedang mereka hadapi.

Sebenarnya, banyak perkara yang boleh dilakukan untuk menjadikan jantung lebih sihat walaupun telah melalui pengalaman yang teruk. Perubahan yang sihat akan menolong untuk berasa dan kelihatan lebih sihat.

Kadar kematian daripada serangan jantung, angin ahmar dan lain-lain penyakit jantung akan menurun jika cara hidup yang sihat diamalkan. Ini bermakna cara hidup sihat memainkan peranan yang amat besar. Sekaranglah waktunya untuk mengubah fikiran bagi mengawal masa depan. Setiap perubahan yang dibuat akan memudahkan untuk membuat perubahan yang seterusnya. Berikut adalah langkah-langkah yang perlu diambil:

- Amalkan pemakanan yang sihat
- Amalkan senaman yang teratur
- Kekalkan berat badan unggul
- Jangan merokok
- Kurangkan stres
- Penjagaan kesihatan yang sempurna

*Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia*

# STROK

## (Penyakit Angin Ahmar)

**S**trok atau angin ahmar merupakan masalah kesihatan yang diakibatkan oleh salur darah otak yang tersumbat atau pecah seterusnya menyebabkan pendarahan. Keadaan ini seterusnya akan menyebabkan kematian sel-sel otak dan menyebabkan fungsi otak terjejas, seperti fungsi otak berkaitan dengan percakapan, penglihatan dan / atau pergerakan seseorang.

### Epidemiologi

Sepuluh peratus daripada kematian di negara-negara maju adalah disebabkan oleh strok. Insiden strok pada 1997 di negara Malaysia adalah 68.38 per 100,000 populasi dan ia tertinggi di kalangan penduduk berbangsa Cina dan diikuti dengan bangsa Melayu dan India.

Kejadian strok sering dikaitkan dengan mereka yang berpendapatan rendah (Kelas V) dan risiko untuk mendapat strok meningkat dengan peningkatan umur. Lelaki dan perempuan mempunyai risiko yang sama untuk mendapat strok.

### Faktor risiko


- Individu yang menghidap hipertensi (penyakit darah tinggi)
- Individu yang mengalami masalah jantung
- Paras kolesterol darah yang tinggi
- Merokok
- Kurang aktiviti fizikal/Kurang bersenam
- Berat badan yang berlebihan/Kegemukan yang melampau.

### Tanda dan gejala

Majoriti dari pesakit tidak mempunyai sebarang gejala-gejala strok. Selalunya tanda-tanda strok dapat dikesan semasa pemeriksaan rutin.

Bagaimanapun tanda-tanda dan gejala-gejala yang boleh dialami adalah:

- Pening kepala (kepala/keadaan sekitar seperti



- berpusing)
- Pitam atau pengsan
- Anggota badan iaitu tangan dan kaki merasa kebas atau lemah atau kedua-duanya sekali

### Rawatan

Rawatan untuk strok adalah bergantung kepada penyebab strok itu sendiri. Masalah saraf dan kelumpuhan akibat pendarahan atau kerosakan sel di otak biasanya sukar dipulihkan kecuali pada kes yang tidak begitu teruk. Di peringkat awal selepas berlaku strok, rawatan sokongan serta ubat tertentu diperlukan untuk mengelakkan kerosakan otak yang lebih meluas/teruk.

Rawatan sokongan yang diberikan bergantung kepada tahap keterukan strok itu, iaitu ia boleh terdiri daripada bantuan pernafasan, pemantauan status kardiovaskular, pemberian cecair yang diperlukan tubuh (bendalir intravena) serta jagaan kejururawatan.

Di peringkat seterusnya, rawatan adalah lebih tertumpu kepada terapi rehabilitasi iaitu bagi mengelakkan komplikasi akibat masalah kelumpuhan atau lemah anggota, cara penggunaan tandas, penyesuaian tabiat pemakanan serta sokongan emosi. Rawatan di

*Ke muka 11»*

